

## **ZAKAT KE ATAS PENDAPATAN FELDA DAN SYARIKAT-SYARIKATNYA**

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

### **ZAKAT KE ATAS PENDAPATAN FELDA DAN SYARIKAT-SYARIKATNYA**

---

- (1) FELDA wajib mengeluarkan zakat ke atas hasil pendapatannya dengan mengambilkira pendapatan anak-anak syarikat, sekiranya semua urusan ke atas pemilikan ekuiti dan akaun pendapatan anak-anak syarikat dikawal oleh FELDA sendiri.
- (2) Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan anak-anak syarikat FELDA diuruskan melalui akaun yang berasingan, maka anak-anak syarikat tersebut wajib mengeluarkan zakat pendapatannya secara berasingan.

Status: Warta

Tarikh Warta: 7 Jun 2005

**DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID**

*Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor*

## HUKUM ZAKAT PELABURAN SAHAM

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseskyen 48(6) Enakmen itu.

### HUKUM ZAKAT PELABURAN SAHAM

---

- (1) Hukum zakat ke atas saham yang dilaburkan di pasaran modal adalah sama seperti zakat barang perniagaan (Arudh at-Tijarah), tidak kira sama ada tujuan pelaburan saham itu adalah untuk diniagakan (jualbeli) atau untuk disimpan.
- (2) Keputusan ini diambil berdasarkan dalil dan hujah sebagaimana berikut:
  - (i) Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا  
أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang Kami keluarkan untuk kamu dari bumi...”

(Al-Baqarah: ayat 267)